

16 FEB 2003

Khalil-PAS

PAS KELANTAN SEMAKIN TERTEKAN, KATA KHALIL

PULAU PINANG, 16 Feb (Bernama) -- Kerajaan negeri Kelantan pimpinan PAS sedang menghadapi tekanan yang semakin hebat ekoran kesedaran rakyat negeri itu yang mahukan perubahan dan pembangunan, kata Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob hari ini.

Katanya, rakyat Kelantan kini semakin sedar bahawa Umno telah banyak membawa perubahan kepada mereka dan hanya kerajaan Barisan Nasional (BN) yang boleh membangunkan negeri itu.

Katanya, PAS juga tertekan kerana semangat kerjasama dan perpaduan Umno di Kelantan yang kini telah mempertingkatkan pelbagai aktiviti dalam usaha menawan semula negeri itu pada pilihan raya umum akan datang.

"Rakyat Kelantan telah sedar bahawa untuk mencapai perubahan, mereka harus bersatu dan kita yakin dapat menawan semula Kelantan," katanya kepada pemberita selepas Seminar Pemikiran Dr Mahathir Untuk Generasi Muda anjuran Jabatan Hal Ehwal Khas Kementerian Penerangan di sini di sini.

Semalam, anggota Majlis Tertinggi Umno Datuk Annuar Musa berkata PAS akan melakukan apa sahaja termasuk menghalalkan cara bagi memastikan penguasaan berterusan di Kelantan ekoran perpaduan Umno dan BN yang semakin kukuh di Kelantan.

Khalil yang juga Menteri Penerangan berkata Umno telahpun mempertingkatkan aktivitinya dan telah banyak membawa perubahan kepada rakyat negeri Kelantan.

Katanya, para pemimpin serta anggota Umno di Kelantan telah diminta memperhebatkan dan merapatkan lagi barisan mereka bagi menghadapi pilihan raya akan datang.

Berucap pada seminar itu, beliau meminta generasi muda meninjau pemikiran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam pendekatannya membangunkan negara ini.

Katanya, Dr Mahathir memulakan pendekatan yang dikenali sebagai Persyarikatan Malaysia, Dasar Pandang Ke Timur dan Penswastaan serta menyusun semula perkhidmatan awam dengan meningkatkan lagi produktiviti negara.

Beliau berkata kehebatan Dr Mahathir dikagumi dunia sehingga negara-negara Islam mengiktirafnya sebagai pemimpin Islam yang moderate dan sumbangannya kepada negara memberi kesan yang mendalam dalam segala aspek kehidupan.

Yang Dipertua Negeri Tun Abdul Rahman Abbas ketika merasmikan seminar berkenaan menggesa golongan generasi muda menjadikan pemikiran Dr Mahathir sebagai panduan untuk membangunkan negara ini.

Katanya, sebagai kenalan lama, Dr Mahathir adalah seorang yang bersikap kritis dan mempunyai pemikiran yang melampaui usianya ketika beliau masih muda.

"Sejak Dr Mahathir seorang pelajar lagi, beliau telah mempunyai pemikiran yang kritis dan telah menulis mengenai masalah orang Melayu serta melahirkan idea-idea yang bernas," katanya.

Lebih 1,000 orang termasuk mahasiswa menyertai seminar sehari itu.

-- BERNAMA

AZE MOZ